



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 3/2025 MENGENAI:

- 1. PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2024 DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**
- 2. PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI**

UNTUK SIARAN SEGERA

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 6 Oktober 2025 (Isnin) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
2. LKAN ini terdiri daripada empat belas (14) naskhah seperti berikut:
 - i. Satu naskhah LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Persekutuan.
 - ii. Tiga belas (13) naskhah LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan dan Agensi Negeri.
3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Ketua Audit Negara (KAN) telah memberikan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dengan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters).
4. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2024 bertambah baik dengan penurunan defisit dan nisbah defisit kepada KDNK berbanding tahun 2023. Pada tahun 2024, defisit tersebut telah menunjukkan penurunan sebanyak RM12.224 bilion kepada RM79.166 bilion berbanding RM91.390 bilion pada tahun sebelumnya. Nisbah defisit kepada KDNK turut berkurang kepada 4.1%, berbanding 5.0% pada tahun 2023, dan lebih baik daripada sasaran 4.3% yang ditetapkan dalam Belanjawan 2024. Pencapaian ini meletakkan asas kukuh untuk mencapai sasaran defisit jangka sederhana di bawah 3%.

5. Antara isu terkait dalam laporan ini adalah Projek Pangkalan Operasi Hadapan Di Pulau Mabul, Semporna, Sabah yang sepatutnya siap pada 16 November 2024 masih belum disiapkan sehingga bulan Julai 2025 walaupun telah dirancang sejak tahun 2016 dan diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua RMKe-11. Antara isu utama yang dikenal pasti adalah kelewatan pembinaan Bangunan Penempatan Semula (BPS), *main building* (selain dari BPS) masih belum siap dan pembinaan jeti yang belum dimulakan.
6. Mulai tahun 2025, Jabatan Audit Negara telah memperluaskan pengauditan terhadap 1,856 badan lain termasuk syarikat melalui Sistem e-SelfAudit. Pengauditan Sistem e-SelfAudit mengadaptasi penggunaan pendigitalan dan teknologi terkini bagi membolehkan kesemua syarikat tersebut dapat diaudit setiap tahun. Tiga (3) elemen utama yang diaudit ialah pencapaian mandat dan objektif penubuhan; pematuhan aspek tatakelola; dan prestasi kewangan.
7. Sebanyak 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diaudit dan jenis Sijil Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:
 - i. Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) - empat negeri (Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Terengganu).
 - ii. Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dengan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters) – sembilan negeri (Johor, Perak, Kedah, Kelantan, Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan, Perlis dan Selangor).
8. LKAN 3/2025 peringkat Persekutuan akan dimuat naik di Laman Web JAN selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di pautan <http://lkan.audit.gov.my> dan <https://agddashboard.audit.gov.my/> mulai 6 Oktober 2025, pukul 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan ini bolehlah di e-mel kepada jbaudit@audit.gov.my.

#AuditTelusBerkhidmat
#LKANUntukRakyat
#TransparensiAudit
#suaraaudit
#e-SelfAudit
#AGDashboard

DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
KETUA AUDIT NEGARA
6 OKTOBER 2025

